

MINIT MESYUARAT AGONG ALEPS KE 20

Tarikh : 11hb. Mei 2008 (AHAD)
Masa : 2.20 ptg ~ 5.15 ptg
Tempat : Hotel Grand Bluewave, Shah Alam, Selangor
Kehadiran : 38 Orang

AGENDA

1.0 UCAPAN ALUAN PENGERUSI MAJLIS

1.1 Tuan Syed Putera Syed Mokhtar selaku Pengerusi Majlis telah memulakan Majlis Mesyuarat Agung ALEPS ke 20, mengucapkan ribuan terimakasih pada semua ahli yang telah menghadiri mesyuarat agung pada hari ini.

2.0 BACAAN DOA SELAMAT

2.1 Bacaan Doa Selamat telah disempurnakan oleh Sdr. Muhamad Syukri Ghazali.

3.0 UCAPAN PENASIHAT ALEPS

3.1 Yang Berbahagia Tan Sri Mohd Khatib selaku Penasihat ALEPS telah mengucapkan terimakasih dan tahniah kepada Exco ALEPS serta semua pihak yang terlibat dalam program pada hari ini. Beliau gembira kerana dalam simposium hari ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan serta dapat menemukan 2 orang tokoh yang amat disegani dalam satu majlis yang sama iaitu Yang Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamed dengan Professor Diraja Ungku Aziz.

3.2 Beliau turut gembira kerana Ketua Pengarah Jabatan Perkhimatan Awam (Tan Sri Ismail Adam) telah mengumumkan Look East Policy akan diteruskan lagi, bakal diperluaskan sehingga meliputi Negara China.

3.3 Beliau berharap Exco dan Ahli ALEPS dapat memainkan peranan membawa ALEPS untuk maju ke hadapan, mengingatkan supaya menguasai kepakaran dalam bidang bisnes disamping penguasaan Bahasa Inggeris adalah penting untuk karier setiap ahli.

3.4 Beliau berharap ALEPS dapat terus menjalinkan hubungan yang kukuh dengan Kedutaan Jepun serta JACTIM dalam usaha Re-branding ALEPS.

4.0 UCAPAN Pengerusi Sementara

- 4.1 Tuan Zainal Omar selaku Tuan Pengerusi Sementara AGM Ke 20 telah memulakan ucapan beliau dengan mengucapkan kesyukuran kepada Allah kerana limpah kurniaNya serta kepada semua ahli yang hadir.

5.0 UCAPAN DASAR PRESIDEN

- 5.1 Tuan Presiden mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua ahli yang hadir, bangga kerana ramai ahli yang sanggup meluangkan masa mereka untuk menghadiri mesyuarat agung hari ini. Selepas 20 tahun penubuhan ALEPS, mereka yang hadir pada mesyuarat agung ini adalah mereka yang mempunyai komitmen tinggi pada persatuan.
- 5.2 Setelah 20 tahun penubuhan ALEPS, ramai ahli yang ingin melihat perubahan untuk ALEPS, bertanya mengenai halatuju ALEPS pada Tun Dr. Mahathir pada forum pagi tadi. Menurut beliau, Tun Dr. Mahathir serta Professor Diraja Ungku Aziz meminta ALEPS supaya meneruskan perjuangan mereka yang sedia ada, meneruskan aktiviti sosial dan kebudayaan tanpa mengharapkan sebarang imbuhan.
- 5.3 Beliau menyedari ada dikalangan ahli yang ingin sebuah koperasi ditubuhkan oleh ALEPS, menubuhkan sebuah koperasi merupakan satu idea baik tetapi memerlukan perancangan yang lebih terperinci dan teliti sebelum dapat dilaksanakan sepenuhnya.
- 5.4 Usaha kearah Re-Branding ALEPS akan diteruskan dan dipergiatkan lagi, berjaya menarik JACTIM terlibat dalam program ALEPS. Pada 11-Jun 08 satu program bersama ALEPS dengan JACTIM bakal diadakan (Career Prospect).
- 5.5 Menurut beliau hubungan ALEPS dengan Kedutaan Jepun terutamanya dengan Duta Jepun Mr. Horie amat baik. Mr Horie kerap menyebut nama ALEPS dalam pertemuannya dengan pelbagai pihak lain dalam majlis yang dihadapinya.
- 5.6 ALEPS sebagai penerima Grant Tahunan dari Japan Foundation, perlu menjalin hubungan yang erat dengan pelbagai NGO Jepun lain seperti Japan Club, JICA, Japan Foundation dan lain-lain. Kini lebih banyak NGO Jepun yang telah mengenali ALEPS berbanding pada awal tahun penubuhannya.
- 5.7 Melalui Program Train Of Trainer (TOT), persatuan ingin melatih lebih ramai ahli terutama dikalangan muka baru sebagai pemimpin barisan pelapis yang dibentuk untuk mengambil alih kepimpinan ALEPS pada masa hadapan.
- 5.8 Sungguhpun jumlah ahli ALEPS dianggarkan seramai 3,600 orang, malangnya yang bergerak aktif cuma sekitar 300 orang sahaja. Namun demikian beliau kesal kerana masih ada lagi ahli yang tidak kenal dengan ALEPS sungguhpun

persatuan ini telah lama wujud.

- 5.9 Beliau turut meminta kerjasama semua yang hadir supaya mencatatkan no. hand – phone mereka serta rakan-rakan ALEPS yang mereka kenali dan menyerahkan kepada Exco supaya mereka ini mudah dihubungi untuk aktiviti ALEPS.
- 5.10 Tuan Presiden juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Exco dan Warga ALEPS yang telah memberikan kerjasama mereka dalam menjayakan aktiviti persatuan sepanjang tahun lalu. Beliau berharap semua AGM hari ini dapat berjalan dengan sempurna dan lancar.

6.0 PEMBENTANGAN DAN PENGESAHAN MINIT MESYUARAT AGUNG KE 19

- 6.1 Sdr. Khairudin Tahir selaku Setiausaha Agung telah membentangkan Laporan Minit Mesyuarat Agung ke 19 dari mukasurat 3 hingga 9.

Cadangan Pengesahan Minit Mesyuarat ke 19 : Syed Salleh Syed Mohd Yatim
Sokongan Pengesahan Minit Mesyuarat ke 19 : Zulkifli Ibrahim

- 6.2 Tuan Pengerusi Sementara mengumumkan bahawa Minit Mesyuarat ke 19 ini telah diterima oleh semua ahli yang hadir.

7.0 PEMBENTANGAN DAN PENGESAHAN LAPORAN KEWANGAN BERAKHIR 31hb. MAC 2008

- 7.1 Sdr. Zainal Abidin Mohamed selaku Tuan Bendahari telah membentangkan Laporan Kewangan ALEPS yang berakhir 31hb. Mac 2008 (sila rujuk kepada Lampiran Laporan Kewangan yang lalu).
- 7.2 Sdr. Adila Hamdu merujuk kepada Perenggan 9.11 Minit AGM ke 19 – Akaun Simpanan Tetap Maybank, beliau inginkan lanjut.
(Tuan Presiden menjelaskan terdapat RM30K dalam Akaun Simpanan Tetap Maybank, interest dalam simpanan tetap ini tidak dikeluarkan, dan tidak dimasukkan dalam Laporan Kewangan 2007 / 2008 ini).
- 7.3 Sdr. Adila Hamdu menjelaskan beliau telah bertemu dengan staf Japan Foundation yang menyatakan aktiviti ALPES semakin kurang, Japan Foundation turut mengurangkan Grant Tahunan, beliau ingin penjelasan.
(Tuan Presiden menjelaskan, Japan Foundation telah mengurangkan grant ALEPS kepada 50% sahaja dari grant asal, yang turut melibatkan negara seperti Thailand, Philippines, Indonesia dan lain-lain. Beliau telah merayu meminta grant ini dikembalikan kepada jumlah asal. Seramai 8 orang juruodit dari Japan Foundation & Japan Embassy kemudian telah memeriksa akaun ALEPS secara terperinci, mereka puashati dengan pengurusan akaun persatuan. Mereka telah mengembalikan semula grant, cuma meluluskan 90% dari jumlah tuntutan).

- 7.4 Sdr. Zulfiqar Zainudin bertanya adakah polisi grant ini dalam US Dollar, samada grant ini boleh diubah dari US Dollar kepada matawang lain kerana kini US Dollar mengalami penurunan, beliau inginkan penjelasan.
(Tuan Presiden menjelaskan, pihak HQ Japan Foundation telah menetapkan jumlah yang perlu diberikan kepada negara penerima Grant mereka. Grant yang diberikan adalah US Dollar, tidak boleh ditukar kepada matawang lain).
- 7.5 Sdr. Faiz Ahamd Shah menjelaskan `statement` simpanan tetap dalam Laporan Kewangan ALEPS perlu dimasukkan, berharap laporan kewangan akan datang akan memasukan `statement` tersebut.
- 7.6 Sdr. Khairi Din mencadangkan untuk Grant Japan Foundation dibuka akaun multi currency rate, beliau ingin penjelasan.
(Sdr. Hasbullah Ali menjelaskan rate tolak & masuk adalah sama sahaja, tidak dapat menyelesaikan masalah rate yang diharapkan. Menurut Sdr. Faiz Ahmad Shah, sekiranya kita banyak menggunakan transaksi dalam US Dollar ada banyak kelebihan. Jika transaksi cuma satu atau dua kali sahaja, tiada kelebihan yang di peroeihi. Tuan Presiden menjelaskan, transaksi cuma sekali dalam setahun, iaitu Bulan Mac sahaja).
- 7.7 Sdr. Faiz Ahmad Shah meminta menyenaraikan kesemua simpanan tetap serta harta-harta ALEPS, dilaporkan dalam Laporan Kewangan dengan pindaan.
- 7.8 Sdr. Kamaruddin Najmi merujuk kepada pelbagai aktiviti ALEPS, seperti Golf & Bowling Tournament dimana yuran penyertaan adalah tinggi, seolah-olah ada keuntungan dari program yang dijalankan, beliau inginkan penjelasan.
(Tuan Presiden menjelaskan, Wang Masuk & Keluar Bowling Tournament adalah seimbang, kos Golf Tournament pula adalah tinggi, tiada keuntungan. Menurut beliau, dalam usaha menjalankan pelbagai aktiviti ALEPS ia turut melibatkan banyak mesyuarat dengan pihak yang berkenaan, namun beliau serta Exco tidak meminta sebarang elaun).
- 7.8.1 Sdr. Wan Yussuf meminta perbincangan isu-isu yang berbangkit dari Laporan Kewangan ini ditamatkan dengan segera kerana ianya berpanjangan dan tiada kesudahannya.
- 7.8.2 Tuan Pengerusi Sementara berharap supaya wang dalam Akaun ALEPS sentiasa bertambah setiap tahun. Ia sebagai persediaan awal kerana terdapat kemungkinan grant yang diperolehi akan berkurangan.
- 7.8.3 Cadangan Pengesahan Laporan Kewangan : Faiz Ahmad Shah.
(dengan pindaan)
Sokongan Pengesahan Laporan Kewangan : Isrami Ismail.

6.0 PEMBENTANGAN LAPORAN AKTIVITI BIRO SESI 2006 DAN 2007

6.1 Barisan Exco untuk Sesi 2007 / 2008 telah membentangkan laporan aktiviti biro mereka dengan menggunakan Power Point.

- A. Muhamad Syukri Ghazali - Biro Kebajikan dan Agama
- B. Mohd Riza Mohmed Zuhri - Biro Sukan dan Kebudayaan
- C. Nor Azam Kamisan - Biro Keusahawaan & Pembangunan Dana
- D. Zamre Bakar & Arba`ain Jaffar - Biro Hubungan Korporat
- E. Mazlina Bibi Mohd Aziz - Biro Latihan & Pendidikan

6.2 Tuan Pengerusi Sementara mengulas mengenai penglibatan beliau dalam pelbagai NGO dan Alumni lain, menurut beliau ALEPS adalah antara NGO yang terbaik. Beliau berharap ALEPS dapat meneruskan pelbagai aktiviti yang dirancang, walau pun ada aktiviti yang kurang mendapat sambutan dari ahli.

7.0 PERBAHASAN USUL

7.1 Sdr. Khairudin Tahir selaku Setiausaha Agung telah membacakan Usul Fasal 13 c) dari Perlembagaan ALEPS berbunyi;

` Mana-mana ahli ALEPS yang didapati menggunakan nama dan logo ALEPS dengan tujuan yang memberi imej negatif akan dikenakan tindakan-tindakan berikut;

- a. digantung keahlian (sehingga satu jangkamasa yang ditentukan)
- b. dilucutkan keahlian
- c. dikenakan tindakan mahkamah

Tindakan yang akan diambil bergantung kepada kelulusan Exco ALEPS di dalam mesyuarat yang dihadiri oleh sekurang-kurangnya separuh korum Exco.

7.2 Tuan Presiden telah membacakan Fasal 13 Larangan. Menurut beliau penambahan yang dicadangkan adalah pada Fasal 13 c).

7.3 Sdr. Khairi Din bertanya adakah ALEPS serta Logo ALEPS telah didaftar dengan Register of Society (ROS), beliau inginkan penjelasan..
(Tuan Presiden menjelaskan, ALEPS telahpun berdaftar dengan ROS, setiap tahun menghantar Minit AGM ke ROS. Logo ALEPS masih belum didaftarkan dengan ROS lagi).

7.4 Sdr. Khairi menjelaskan melalui pengalaman dan penglibatan beliau dalam PIBG sekolah, logo yang digunakan perlu didaftarkan juga.
(Tuan Presiden menjelaskan beliau akan berbincang dengan Dato Kaswuri Keman untuk mendapatkan pandangan beliau berhubung isu diatas).

- 7.5 Sdr. Faiz Ahmad Shah mengulas berkenaan isu usul diatas, menegaskan perlu ada persetujuan dari ahli-ahli untuk membuat sebarang penambahan dalam perlembagaan sungguhpun ianya untuk kebaikan persatuan.
- 7.6 Sdr. Faiz Ahmad Shah mencadangkan perubahan pada pindaan usul; `Mana-mana ahli ALEPS yang didapati menggunakan nama dan logo ALEPS tanpa kebenaran akan dikenakan tindakan berikut`.
- 7.7 Sdr. Abu Hanifah Mohd Amin mencadangkan perubahan pada pindaan usul; `Mana-mana ahli ALEPS yang didapati menggunakan nama dan logo ALEPS tanpa kebenaran boleh dikenakan tindakan-tindakan berikut`.
- 7.8 Tuan Pengerusi Sementara telah minta Tuan Presiden supaya membaca pindaan usul yang telah diminta oleh ahli yang hadir. Cadangan pindaan usul adalah; `Mana-mana ahli ALEPS yang didapati menggunakan nama dan logo ALEPS tanpa kebenaran boleh dikenakan tindakan berikut`.
- 7.9 Tuan Pengerusi Sementara telah meminta semua ahli yang hadir supaya mengundi samada bersetuju dengan cadangan usul pindaan perlembagaan sepertimana yang telah dibacakan oleh Tuan Presiden.
Undi Setuju : 38 Undi!
- 7.10 Tuan Pengerusi Sementara mengumumkan bahawa mesyuarat telah dengan sebulat suara menyokong usul pindaan perlembagaan sepertimana yang telah dibacakan oleh Tuan Presiden.

8.0 PERBAHASAN CADANGAN

- 8.1 Sdr. Wan Yussof meminta bakal Presiden Baru supaya menghubungi ahli-ahli lama supaya ahli lama ini dapat mengumpul ahli-ahli lain untuk menghadiri AGM dan juga menyertai pelbagai aktiviti persatuan.
- 8.2 Sdri. Hasreen mencadangkan supaya diperbanyakkan lagi aktiviti melibatkan anak anak ahli ALEPS, juga meminta menjalinkan hubungan diantara anak-anak ahli dengan pelajar JSKL menerusi aktiviti sukan seperti baseball dan sebagainya.
- 8.3 Sdri. Hasreen mengulas bahawa ALEPS banyak menganjurkan program seperti Golf dan Bowling Tournament, beliau juga meminta supaya program seperti forum atau seminar sepertimana diadakan pada pagi ini (Forum Sempena 25 Tahun Dasar Pandang ke Timur – The History, Now and The Future) diperbanyakkan pada masa hadapan untuk kebaikan ahli.
- 8.4 Sdr. Abu Hanifah Mohd Amin mengulas dimana ALEPS mempunyai banyak aktiviti yang telah dijalankan, adakah ianya memenuhi objektif persatuan seperti;
- a. Membantu ahli mencari kerja,
 - b. Kaisya Jepun mencari peluang meluaskan perniagaan di Malaysia

Beliau turut meminta ALEPS menggunakan hubungan baik dengan Kedutaan Jepun dan JACTIM untuk faedah serta kebaikan ahli-ahli.

- 8.5 Sdr. Mohd Isa Sulaiman mengucapkan tahniah atas ulang tahun ke 20 ALEPS, mengenang kembali sewaktu beliau mengetuai persatuan ini pada peringkat awal penubuhannya tanpa sebarang kemudahan. Beliau kemudian menerangkan mengenai aktiviti terkini beliau, meminta Exco supaya membincangkan strategi bagaimana ALEPS boleh maju ke hadapan. Beliau turut menyatakan kesanggupan untuk membantu ALEPS menerusi produk baru keluaran syarikat beliau.

9.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

- 9.1 Sdr. Syed Salleh Syed Mohd Yatim telah mengucapkan tahniah kerana ALEPS berjaya mengadakan Forum 25 Tahun Dasar Pandang ke Timur, beliau cuma terkilan dengan kualiti soalan-soalan yang telah diutarakan dalam forum pada hari ini. Sepatutnya soalan-soalan yang hendak diajukan itu mestilah ditapis terlebih dahulu, supaya mencerminkan kewibawaan & kematangan ALEPS. Menurut beliau minat pelajar sekolah untuk menyambung pelajaran menerusi Program Dasar Pandang ke Timur semakin berkurangan. Fakta ini berdasarkan kepada jumlah pemohon Biasiswa JPA yang menurun pada tahun ini. Beliau meminta supaya mengkaji kenapa fenomena ini berlaku, bagaimana untuk menarik semula minat pelajar sekolah untuk menyambungkan pelajaran mereka melalui Program Dasar Pandang ke Timur. Program Homestay anjuran ALEPS kini lebih menjurus kepada hubungan antara Kampong Angkat dengan Warga Jepun atau Japan School Kuala Lumpur sahaja. Mencadangkan supaya hubungan diantara anak-anak ahli ALEPS dengan mereka yang menyertai homestay diperluaskan lagi.
- 9.2 Sdr. Wan Yussuf juga telah meminta ALEPS supaya mengkaji mengapa ibubapa kurang berminat untuk menghantar anak-anak mereka meneruskan pelajaran melalui Program Dasar Pandang ke Timur. Beliau turut meminta ALEPS menghantar memo dan memohon satu resolusi meminta kepada kerajaan supaya graduan Dasar Pandang ke Timur dipilih untuk menerajui jawatan utama dalam `Government Link Company` (GLC). Menurut beliau, sehingga kini, tiada ahli ALEPS yang menerajui jawatan utama dalam GLC.

10.0 PEMBERIAN CENDERAHATI

- 10.1 Sdr. Mohd Isa Sulaiman telah bermurah hati menyampaikan cenderahati kepada semua Exco.

11.0 PEMBUBARAN AHLI JAWATANKUASA SESI 2006 / 2008

- 11.1 Tuan Presiden telah mengumumkan beliau membubarkan Ahli Jawatankuasa Sesi 2006 / 2008 untuk membolehkan pemilihan Ahli Jawatankuasa Baru Sesi 2008 / 2010 dapat dijalankan.

12.0 PERLANTIKAN AHLI JAWATANKUASA BARU SESI 2008 / 2010

- 12.1 Tuan Pengerusi Sementara telah mengumumkan prosuder pemilihan Ahli Jawatankuasa Baru Sesi 2008 / 2010 dimulakan dengan 4 Ahli Jawatankuasa Utama dan diikuti oleh Ahli Jawatankuasa lain.
- 12.2 Berikut adalah keputusan pemilihan Ahli Jawatankuasa Baru Sesi 2008 / 2010;
- 12.3 Presiden: Zaba Haji Youn (Menang Tanpa Bertanding)
- 12.4 Timbalan Presiden: Syed Putera Syed Mokhtar (Menang Tanpa Bertanding)
- 12.5 Setiausaha Agung: Khairudin Mohd Tahir (Menang Tanpa Bertanding)
- 12.6 Bendahari: a) Hasbullah Ali (Menarik Diri)
b) **Zainal Abidin Mohamed** (Menang Tanpa Bertanding)
- 12.7 Ahli Jawatankuasa
- | Calun | Undi |
|------------------------|------|
| A) Arba`ain Jaffar | 24 |
| B) Norhayati | 23 |
| C) Mohd Syukri Ghazali | 19 |
| D) Isrami Ismail | 18 |
| E) Maizatulisma | 18 |
| F) Zamree Bakar | 17 |
- 12.8 Juruodit Dalaman
- A) Faiz Ahmad Shah
- B) Ahmad Azam

13.0 UCAPAN PENANGGUHAN

- 13.1 Tuan Presiden telah mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua ahli yang hadir yang telah memilih semula beliau sebagai Presiden dan memilih Ahli Jawatankuasa Baru Sesi 2008 / 2010.
- 13.2 Tuan Presiden telah meminta kesemua Ahli Jawatankuasa Baru Sesi 2008 / 2010 memperkenalkan diri mereka.
- 13.3 Tuan Presiden telah bertanya kepada Dato` Kaswuri Keman (Penasihat ALEPS) samada persatuan perlu memaklumkan Logo ALEPS kepada ROS.
(*Dato` Kaswuri menjelaskan, ALEPS cuma perlu memaklumkan maksud warna dan lambang pada Logo ALEPS pada ROS*).

14.0 UCAPAN PENASIHAT ALEPS

- 14.1 Yang Berbahagia Dato Kaswuri Keman mengucapkan tahniah kepada Exco Baru diatas pemilihan mereka sebagai Ahli Jawatankuasa Baru. Beliau turut mengucapkan terimakasih kepada Exco Lama kerana berjaya mengadakan Forum 25 Tahun Dasar Pandang ke Timur pada hari ini. Dalam persatuan, AJK yang dipilih tidak mengharapkan sebarang imbuhan, sebaliknya mereka perlu bersedia untuk memikul tanggungjawab lebih berat untuk mengendalikan persatuan.
- 14.2 Beliau turut gembira kerana dalam Forum hari ini telah dapat menemukan 2 tokoh penting iaitu Tun Dr. Mahathir dan Professor Diraja Ungku Aziz, pada mulanya Ketua Pengarah Perkhimatan Awam Tan Sri Ismail Adam tidak dapat hadir, di saat akhir Tan Sri Ismail Adam telah hadir dan memberikan komitmen beliau untuk menjayakan Program Dasar Pandang ke Timur.
- 14.3 Beliau meminta semua ahli ALEPS mengubah minda mereka, perlu menerapkan nilai positif Budaya Jepun dalam aktiviti mereka, dapat bersaing dengan Alumni yang lebih established.
- 14.4 Beliau seterusnya meminta agar `Konsep Kenang Budi` diteruskan oleh semua ahli, perlu sayangkan ALEPS, bekerja sebagai satu pasukan agar ALEPS terus relevan dan maju ke hadapan.

15.0 UCAPAN PENANGGUHAN PRESIDEN

- 15.1 Tuan Presiden mengucapkan terima kasih pada semua ahli yang hadir, berharap melalui idea yang telah diutarakan oleh ahli dalam AGM ini dapat dilaksanakan demi kepentingan ALEPS dan ahli pada masa hadapan.

12.0 PENANGGUHAN MESYUARAT

- 12.1 Mesyuarat Agung ke 20 yang telah diadakan pada 11hb. Mei 2008 telah ditamatkan pada 5.15 petang, akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang akan diumumkan kemudian.

Disediakan Oleh;

Disahkan Oleh;

.....
KHAIRUDIN MOHD TAHIR
(Setiausaha Agung)

.....
ZA`BA YOUN
(Presiden)